

## **Implikasi dan strategi penggiat seni persembahan untuk mendepani pandemik covid-19**

### **ABSTRAK**

Penularan wabak COVID-19 di Malaysia telah memaksa pihak kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hampir 24 minggu keseluruhan PKP ini memberikan kesan yang mendalam terutamanya penggiat seni persembahan di negeri Sabah. Asas permasalahan kajian ini didasarkan pada isu utama (i) apakah impak dan cabaran yang dihadapi oleh penggiat seni di Sabah sepanjang PKP berlangsung selama hampir 6 bulan berkenaan dan (ii) apakah inisiatif yang dilakukan oleh penggiat seni untuk mengatasi masalah yang kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan. Secara lumrahnya, seni persembahan melibatkan teori dan amalan dalam seni tari, muzik, drama, teater dan filem. Seni persembahan ini merupakan sebahagian daripada industri kreatif dan budaya. Penggiat seni persembahan pula meliputi pelaku seni, penganjur, pengeluar, pendidik, usahawan, kru pengurusan dan teknikal.